

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

SOALAN

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan memberi maklum balas tentang status Lot 9714 Jinjang Selatan Tambahan. Apakah pelan pembangunan yang terbaru untuk kawasan tersebut dan siapa yang akan melaksanakan pembangunan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Tanjong Malim, Pembangunan Lot 9714 Jinjang Selatan Tambahan yang berkeluasan 54.66 ekar adalah tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur yang akan dibangunkan melalui kaedah penjualan tanah kepada pemaju Tetuan Utara Land Sdn. Bhd (ULSB) yang dahulunya di kenali sebagai Tetuan Zil Land Sdn Bhd.

Berdasarkan Perintah Pembangunan yang telah di keluarkan bagi pindaan ke atas Pelan Susunatur Pembangunan bertarikh 20 Mac 2019, pembangunan yang dicadangkan terdiri daripada pangsapuri perkhidmatan, kedai, menara pejabat, perumahan kos sederhana, perumahan harga bebas, rumah mampu milik dan perumahan gantian. Lot 9714 merangkumi 8 pecahan lot tanah yang akan dibangunkan secara berperingkat iaitu Lot 26634, Lot 26635, Lot 26636, Lot 26637, Lot 26638, Lot 26639, Lot 26640, dan Lot 26641. Bagaimanapun, keutamaan pelaksanaan di Fasa 1 adalah untuk pembangunan rumah mampu milik berjumlah 400 unit dan perumahan gantian berjumlah 652

unit di atas Lot 26640 yang akan menempatkan setinggan, bekas pemegang TOL serta penghuni rumah panjang.

Perintah Pembangunan untuk cadangan pembinaan rumah gantian di atas sebahagian Lot PT26640 berkeluasan 1.49 ekar telah dikeluarkan pada 17 September 2019. Pihak pemaju telah memulakan kerja awalan di tapak pada 30 September 2019 dan dianggarkan mengambil tempoh 50 bulan untuk dibangunkan serta dijangka siap pada November 2023.

Pada masa yang sama pemaju juga akan melaksanakan kerja di Lot 26635 berkeluasan 3.29 ekar untuk pembangunan pangsapuri servis bagi mengimbangkan aliran kewangan pembangunan perumahan gantian kerana dibangunkan bukan berasaskan keuntungan.

Tuan Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Status bagi Lot 9714 (seluas 97.026 ekar) adalah untuk Pembangunan Bercampur (perdagangan dan kediaman). Pada 20 Mac 2019, kelulusan telah diberikan bagi Cadangan Susunatur Pembangunan Bercampur yang melibatkan pembangunan perdagangan dan kediaman di atas Lot 9714 dan di sebahagian tanah kerajaan, Mukim Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).

Terbaru pada 27 Mac 2019, permohonan cadangan pembangunan 1 Blok Rumah Gantian 35 tingkat (652 unit) di atas sebahagian Lot PT 26640 (sebahagian Lot Asal 9714). Permohonan tersebut telah diluluskan dan Perintah Pembangunan telah dikeluarkan pada 17 September 2019. Pembangunan Rumah Gantian ini adalah untuk tujuan penempatan semula kepada setinggan, ex TOL dan Penghuni Rumah Panjang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di tapak tersebut. Projek pembangunan ini dilaksanakan oleh pihak pemaju Tetuan Utara Land Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.